

**PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL (PEMBINA): PENGGERAK
PELESTARIAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN HOLISTIK
MAHASISWA**

NATIONAL ISLAMIC YOUTH ASSOCIATION (PEMBINA): CATALYST FOR
DA'WAH SUSTAINABILITY AND HOLISTIC HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT
AMONG UNIVERSITY STUDENTS

^{*i}Nashrah Hani Jamadon, ⁱⁱMuhammad Imran Hakimi Ramli, ⁱⁱⁱShaikh Muhammad Afiq
Shaikh Sukor, ^{iv}Aznur Aisyah, ^vNorbahiah Misran

^{*i v}Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor. Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor

^{ii iii}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor. Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor

^{iv}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor

*Corresponding Author: email: nashrahhani@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penarafan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dalam kedudukan universiti dunia *Quacquarelli Symonds* (QS) menunjukkan peningkatan positif dalam bilangan mahasiswa dan kualiti pendidikan negara. Walau bagaimanapun, isu kebolehpasaran di kalangan graduan sebaik sahaja tamat pengajian semakin memimbangkan dan perlu diberi perhatian. Penglibatan secara aktif mahasiswa dalam kegiatan persatuan pelajar dilihat mampu menyelesaikan masalah ini. Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) merupakan persatuan belia kebangsaan yang berdaftar di bawah Pendaftar Persatuan Belia, Kementerian Belia dan Sukan, dan mempunyai cawangan di IPT seluruh negara. Kajian ini memfokuskan peranan PEMBINA di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam menghasilkan modal insan yang holistik melalui program bersifat dakwah. Kajian ini dijalankan menerusi tinjauan menyeluruh program bantuan '*Siswa Meal Box*' yang dilaksanakan oleh warga kerja PEMBINA. Kajian kualitatif menggunakan instrumen dokumentasi, reflektif jurnal dan borang soal selidik sebelum dan selepas mengadakan program telah direka bentuk. Perisian ATLAS.ti® versi 8 digunakan untuk menganalisis kaji selidik dan temu bual tidak berstruktur dijalankan bagi meninjau persepsi responden terhadap program yang dikendalikan. Responden kajian terdiri daripada ahli PEMBINA yang merupakan ahli jawatankuasa program seramai 25 orang. Analisis mendapati penganjuran program mengikut model PEMBINA telah melatih kemahiran ahlinya dari aspek komunikasi, interaksi sosial, kepimpinan, dan semangat kerja sepasukan. Kemahiran ini mampu membentuk mahasiswa yang proaktif, yang penuh dengan nilai-nilai positif seterusnya meningkatkan daya saing serta kebolehpasaran dalam pekerjaan.

Kata kunci: Mahasiswa, modal insan, kebolehpasaran graduan, ATLAS.ti®

ABSTRACT

The ranking of Malaysian institutions of higher learning (IPT) in the Quacquarelli Symonds (QS) ranking of world universities shows a positive increase in the number of students and the quality of education in the country. However, the issue of graduate marketability is a growing concern that requires attention. The active participation of students in the activities of student associations appears to be capable of resolving this issue. Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) is a national youth organisation that is registered with the Ministry of Youth and Sports' Registrar of Youth Associations and has branches in all IPTs. The objective of this research is to study how PEMBINA at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) contributes to the holistic development of human capital via dakwah programmes. This study was conducted through a comprehensive review of the programme initiated by PEMBINA called 'Program Siswa Meal Box'. Qualitative analyses were conducted before and after the programme through the documentation, reflective journals, and questionnaires. The ATLAS.ti® version 8 software was used to analyse the survey, and unstructured interviews were conducted to learn about survey respondents' perceptions of the programmes. The respondents of the study consisted of PEMBINA members who were the program committee of 25 students. The analysis found that the program's structure, which followed the PEMBINA model, provided members with skills in communication, social interaction, time management, leadership, and teamwork. These skills can help to develop proactive students with strong values, as well as enhancing their competitiveness and marketability.

Keywords: students, human capital, graduate marketability, ATLAS.ti®

PENDAHULUAN

Memperkasa pembangunan modal insan adalah antara teras utama Rancangan Malaysia ke-12, (RMK12), yang merupakan tunjang negara menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0. Memetik ucapan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam pembentangan RMK-12 di Dewan Rakyat, di mana sistem pendidikan perlu mengeluarkan modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi, serta melahirkan belia yang mencintai Al-Quran (Dewan Rakyat 2021). Mahasiswa di pengajian tinggi juga diibaratkan sebagai aset berharga yang menjadi harapan pemimpin masa hadapan (Pusztai, Fenyés, and Markos 2021). Oleh itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah merangka inisiatif bagi mencapai hasrat tersebut. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000:2005 dalam pengurusan Institut Pengajian Tinggi (IPT), termasuk kurikulum dan modul yang digunakan, antarainisiatif yang diperkenalkan oleh KPT (Basir et al. 2019).

Dari perspektif Islam, pembangunan modal insan adalah usaha melahirkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, berdaya kerja, mempunyai kesihatan fizikal dan rohani yang baik, serta tidak bersifat individualistik (Abdullah 2012). Modal insan ini merupakan elemen penting dalam membangunkan sesebuah tamadun dan negara. Pada 2015, di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah diperkenalkan di mana terdapat 17 matlamat dan 169 objektif telah digariskan bagi mencapai kualiti hidup yang mampan pada tahun 2030 (Johnston 2016; Boeren 2019). Dalam matlamat tersebut, konsep pelestarian pendidikan antara yang ditekankan. Maka, institusi pendidikan seperti universiti perlu memainkan peranannya dalam menyediakan platform terbaik bagi meluaskan amalan dan pengetahuan mengenai SDG.

Menyusuri perkembangan semasa ini, timbul kesedaran di kalangan belia/beliawanis Islam bagi mewujudkan satu pertubuhan Islam di universiti atas dasar pengukuhan dakwah secara mampan dalam membina modal insan mahasiswanya secara holistik; seimbang dari segenap sudut merangkumi intelek, rohani dan jasmani. Ini termasuklah kecerdikan emosi dan berdaya saing optimis. Oleh itu, Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) telah ditubuhkan atas kerangka yang sama dibawa oleh KPT, PBB dan keperluan semasa negara (PEMBINA, 2011).

PEMBINA merupakan satu pertubuhan belia yang menfokuskan gerak kerjanya terhadap golongan mahasiswa di seluruh IPT di Malaysia. Matlamat utama PEMBINA adalah menggembeleng tenaga dari golongan belia Islam Malaysia bagi membina sahsiah dan keterampilan jati diri, mempunyai nilai kemasyarakatan yang mesra, gerak kerja bersepadu dan tersusun. Daripada matlamat ini, beberapa objektif telah ditetapkan untuk memacu gerak kerja yang lebih baik dan sistematik. Objektif tersebut meliputi kepimpinan mahasiswa, mahasiswa yang seimbang dari akademik dan sahsiah, serta mahasiswa yang sejahtera (Suriani Sudi & Phayilah Yama 2018).

Dalam mencapai objektifnya, PEMBINA UKM proaktif menjalankan pelbagai aktiviti dan program bersifat mesra mahasiswa. Antara program berimpak yang dijalankan adalah program '*Siswa Meal Box*'. Objektif utama program ini adalah untuk membantu mahasiswa yang kurang kemampuan dari segi keperluan makanan di kolej-kolej pelajar, UKM. Dalam konteks organisasi, program ini mempunyai objektif yang lebih besar iaitu melahirkan penggerak mahasiswa yang memahami tugas dakwah dan khidmat sosial. Melalui program ini, PEMBINA UKM melihat dakwah daripada sudut penyantunan kepada kebajikan mahasiswa seperti mana agama Islam menitikberatkan soal kebajikan dan kasih sayang sesama manusia.

Menyentuh soal modal insan, program ini dapat menggarap nilai kepimpinan dikalangan penggerak atau ahli jawatankuasa (AJK) yang melaksanakannya, yang terdiri dari ahli PEMBINA UKM sendiri. Melalui program ‘*Siswa Meal Box*’ ini, mahasiswa yang berciri pemimpin, tanpa meninggalkan nilai insaniah dibentuk dalam usaha menjadikan medan dakwah di IPT mampu bergerak jauh. Program ini akan mendidik ahlinya untuk berperanan sebagai pendakwah melalui program-program yang mesra mahasiswa. Jauhari al-Thanthawi dalam tafsir *al-Jawahir fi Tafsir al-Quran al-Karim* menyatakan, “harus ada di antara kaum mukmin, yang kuat iman dan besar ikhlasnya, mengerah daya dalam berdakwah, mengajak kepada kebaikan” (Muhalfin, 2018). Melalui tafsir tersebut, menjadi motivasi kepada ahli PEMBINA UKM untuk melibatkan diri dalam menggerakkan program ‘*Siswa Meal Box*’ ini. Dalam artikel ini, impak program anjuran PEMBINA UKM – Program ‘*Siswa Meal Box*’ dalam pembentukan nilai modal insan mahasiswa yang terlibat sebagai AJK akan dibincangkan. Untuk metod kajian, data input dan output diambil dari refleksi 25 responden yang merupakan ahli PEMBINA UKM dan mahasiswa yang dilantik sebagai AJK program. Maklum balas sebelum program dan selepas program diambil dan dikumpulkan. Penerapan nilai-nilai modal insan secara holistik kemudiannya dinilai. Holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pementapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan intelektual, rohani, sahsiah dan etika. Nilai-nilai modal insan ini digariskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, dikenalpasti bagi melihat keberkesanan program yang dijalankan (Kementerian Sumber Manusia 2020).


Oleh itu, melalui kajian ini, penilaian refleksi responden yang memberi impak kepada empat (4) nilai modal insan - intelektual, rohani, sahsiah dan etika, akan dikenalpasti. Nilai-nilai modal insan ini penting bagi mahasiswa dalam usaha melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki personaliti berwibawa dalam membangunkan negara yang unggul, disamping mempunyai kemahiran yang tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif melibatkan kaji selidik terhadap ahli PEMBINA UKM yang terlibat sebagai AJK program '*Siswa Meal Box*'. Kaji selidik yang dijalankan adalah dengan mendapatkan refleksi AJK, sebelum dan selepas program dijalankan. Seramai 25 responden dipilih bagi mendapatkan refleksi perubahan persepsi, dan cerapan modal insan yang dibangunkan sepanjang program. Pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek keinsanan yang terbina menerusi falsafah, gaya fikir dan tindakan yang diambil oleh responden. Nilai ini akan dikategorikan kepada empat (4) nilsi iaitu intelektual, rohani, sahsiah dan etika.

Dalam kajian ini, data input diambil dari refleksi responden sebelum program, diikuti output kajian dari refleksi selepas program dijalankan. Faktor proses dari dapatan data refleksi responden dianalisis melalui asas Kitaran *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) bagi memastikan perancangan program, pelaksanaan program dan hasil program diambilkira. Kitaran ini efektif dalam menentukan keberkesanan sesuatu sistem dan analisis (Jasmin and Hasan 2018; Isniah, Hardi Purba, and Debora 2020).

Dapatan refleksi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti® versi 8 melalui pemilihan perkataan yang digunakan dan mempunyai nilai token yang tinggi. Metodologi kajian adalah menggunakan konsep Grounded Theory (Chun Tie, Birks, and Francis 2019) untuk perlombongan data yang kemudiannya dibersihkan (*filtering data*) mengikut nilai token. Kerangka konsep kajian menggunakan gabungan kaedah yang sedia ada namun disesuaikan mengikut analisis yang dijalankan dalam kajian ini (Huitt 1995 ; Nurul Haerani and Ahmad 2013). Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang diadaptasi melalui kitaran PDCA dan kaedah Huitt.



Rajah 1 Kerangka Metodologi Kajian

Akhir sekali, berdasarkan penelitian-penelitian melalui analisis ATLAS.ti® versi8, temu bual tidak berstruktur dijalankan kepada beberapa responden yang disaring bagi justifikasi terhadap persepsi mereka berkenaan program yang dikendalikan. Analisis kualitatif ditekankan dalam metod kajian ini agar dapatan refleksi secara temu bual dapat diteroka secara telus. berdasarkan dari komentar dan pemikiran pelajar sendiri. Teknik analisis kandungan dokumen ini dipilih kerana Teknik ini merupakan satu pendekatan sistematik bagi menganalisis data dan maklumat bersesuaian dengan kajian (Morgan 2022). Oleh itu, pembangunan nilai modal insan secara holistik di kalangan mahasiswa dari program '*Siswa Meal Box*' anjuran PEMBINA UKM dapat dikenalpasti.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keberkesanan program '*Siswa Meal Box*' di nilai melalui empat (4) nilai modal insan iaitu 'intelektual, rohani, sahsiah dan etika' yang dipilih seperti dinyatakan dalam kaedah kajian. Setiap nilai diberikan kod iaitu Kod 1- intelektual, Kod 2 – rohani, Kod 3 – sahsiah dan Kod 4 – etika. Kod yang berbeza ini mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain (Fink 2003). Dalam setiap kod disenaraikan elemen mengikut kategori yang menggambarkan setiap nilai modal insan tersebut. Elemen ini dipilih berdasarkan perlombongan data yang dikumpul dan

dibersihkan, yang diperoleh dari soal-selidik terhadap responden. Jadual 1 menunjukkan kod nilai modal insan dan elemen yang disenaraikan.

Jadual 1 Elemen yang dinilai dalam empat Nilai Modal Insan

Nilai Modal Insan	Intelektual	Rohani	Sahsiah	Etika
Kod	1	2	3	4
Elemen	Kepimpinan	Hemat	Komunikasi	Tanggungjawab
	Nilai tambah	Telus	Yakin	Berdedikasi
	Cara urus masalah		Disiplin	Integriti
	Fleksibel		Kesungguhan	
	Inovasi			
	Efektif			

Maklum balas responden yang ditulis dalam borang refleksi dikaji perkataan demi perkataan. Setiap perkataan dari teks yang dimuat naik dalam perisian ATLAS.ti® ditanda dan dikategorikan mengikut kod. Setiap perkataan yang menonjolkan gambaran nilai modal insan dianalisa mengikut refleksi individu, dan nilai token. ID merujuk kepada nombor responden yang terlibat dalam program 'Siswa Meal Box'. Refleksi ini menerangkan pandangan dan jangkaan responden terhadap matlamat yang boleh dicapai melalui proses pelaksanaan program yang terdiri daripada 4 fasa menggunakan model PDCA. Proses yang terlibat adalah *Plan, Do, Check and Act*. Kaedah ini dipilih kerana dapatan data dari proses ini dipengaruhi oleh pengalaman pelajar terhadap aktiviti berpersatuan yang terdiri daripada organisasi, manusia, dan tugas.

Refleksi program sebelum dijalankan

Refleksi sebelum program telah menggambarkan tentang perancangan (*planning*) responden terhadap pre-program mengikut jawatan dan skop tugas yang diberikan, seperti dalam Jadual 2. Secara umum, jangkakan pelajar terhadap skop tugas adalah lebih dominan kepada Kod 1 (34%), diikuti Kod 4 (29%). Ini dapat difahami bahawa responden lebih menjurus kepada nilai intelektual dan etika sebelum tugas dilaksanakan. Ini diikuti Kod 3 (24%) dan Kod 2 (13%) iaitu nilai sahsiah dan aspek rohani. Dapatan menunjukkan taburan yang tidak konsisten terhadap empat nilai modal insan.

Responden ID 1, 5, 6 mempunyai pemikiran sebagai seorang pemimpin, di mana mereka merangka perancangan sebelum tugas dijalankan. Impak program terhadap nilai modal insan, tidak dapat dicapai tanpa tasawur atau gambaran jelas mengenai tugas yang perlu dilaksanakan. Bagi responden ID 7, 10, dan 11 pula, menggambarkan nilai individu yang mempunyai etika. Nilai etika ini lebih terkait dengan individu yang berintegriti dalam melaksanakan tugas. Responden kumpulan ini menyedari akan tanggungjawab untuk memastikan bantuan makanan sampai pada golongan yang berhak memerlukan.

Selain itu, komunikasi dan hubungan kemanusiaan antara aspek penting yang perlu diberi penekanan khidmat sosial dan dakwah. Menurut Akhmadieva et al. interaksi sosial merupakan nilai sendiri yang penting kerana manusia akan sentiasa hidup bermasyarakat dengan berbilang etnik, dan dalam rangkaian sosial berbeza (Akhmadieva et al. 2020). Pandangan ini bersesuaian dengan norma kehidupan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai agama, bangsa dan budaya. Responden ID 2, 20, 21, 22 dan 25, antara yang menggambarkan tentang kesediaan untuk menjalankan interaksi sosial apabila program dilaksanakan. Ada yang berpendapat bahawa tugas mereka tidak terhad dibelakang tabir, malah perlu terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini.

Penerapan nilai rohani dapat dilihat dalam refleksi responden ID 3,16, dan 21, yang melahirkan tentang refleksi dalaman sebelum melaksanakan tugas. Sifat ketelusan dari dalaman responden berkemungkinan lahir dari pengalaman mereka yang terlibat dalam program-program PEMBINA UKM sebelum ini. Ini termasuk elemen kepekaan dan sensitiviti terhadap persekitaran, dan maklumat yang diterima, melalui ketua atau rakan-rakan penggerak program. ID 25 sebagai contoh, pada mulanya menunjukkan rasa kurang yakin dan malu untuk berinteraksi dengan orang lain dalam melaksanakan tugas.

Melalui refleksi awal responden didapati terdapat bayangan nilai-nilai modal insan dalam setiap individu. Nilai-nilai ini akan dizahirkan dan dibuktikan melalui refleksi selepas program dijalankan. Kepentingan perancangan program dan tindakan yang akan diambil perlu mempunyai elemen bersepadu, antara intelektual, sahsiah, etika juga gabungan elemen fizikal dan rohani. Ini sesuai dengan teori yang diasaskan oleh Ibn Khaldun dalam merangka kejayaan sesebuah organisasi (Majid and Rahim, Rahimin Affandi Abd (Akademik Pengajian Islam 2009).

Jadual 2 Refleksi responden sebelum program dijalankan

ID	Refleksi	Nilai Modal Insan (Kod)			
		1	2	3	4
1	Menyediakan bajet dan mencari pembekal.	✓			✓
2	Perlu terlibat secara langsung dengan sukarelawan .			✓	
3	Bertindak berdasarkan arahan ketua program dan ketua AJK Program.		✓		✓
4	Lebih baik jika diuruskan lebih awal.	✓			
5	Memastikan program dijalankan dengan baik.	✓			✓
6	Mencari dana .	✓			
7	Merancang program dengan sangat teliti .				✓
8	Menyiapkan sasaran yang ditetapkan seperti dalam jadual perancangan .			✓	
9	Menyediakan peruntukan penyediaan makanan.			✓	✓
10	Perlu peka dengan segala maklumat-maklumat penting program supaya tidak ketinggalan dan menjaga komunikasi dengan semua pihak supaya semua info sampai kepada semua.			✓	✓

11	Saya komited dalam mengumpulkan senarai nama sukarelawan agar tiada seorang pun nama yang tercicir.				✓
12	Membahagikan tugas dan memberi taklimat matlamat PEMBINA.	✓		✓	
13	Dapat mengetahui maklumat dengan lebih terperinci tentang aktiviti program.	✓			
14	Perlu lebih peka dengan pasukan perancang agar komunikasi dapat berjalan dengan baik.	✓			
15	AJK Media kena jalankan tugas media seperti biasa.				✓
16	Dana digunakan dengan sebaiknya .	✓	✓		
17	Jalankan tugas sebagai AJK Media.				✓
18	Menghantar poster program seminggu dan sehari sebelum program.				✓
19	Jangkakan bahawa program ini hanya program yang biasa sahaja.	✓			
20	Saya melatih diri untuk sentiasa mendapat input yang baik daripada rakan sekerja melalui komunikasi yang berkesan.			✓	
21	Bersedia dari pelbagai sudut, masa, tenaga, komitmen dan sebagainya.		✓	✓	
22	Memupuk nilai kerjasama antara sesama exco yang lain dan membentuk daya kreativiti .		✓	✓	
23	Program yang dilaksanakan/dirancang setelah mendapat kelulusan terlebih dahulu.	✓			✓
24	Buat taklimat ringkas tentang atur cara dan pastikan semuanya berjalan dengan lancar .	✓		✓	
25	Perasaan saya begitu berdebar dan segan, tiada keyakinan apabila diarahkan untuk berhubung dengan pemimpin pelajar.		✓		

Refleksi program selepas dijalankan

Jadual 3 menunjukkan dapatan refleksi responden selepas program dijalankan. Refleksiakhir ini menentukan tahap keberkesanan program terhadap nilai modal insan yang diterapkan terhadap individu. Refleksi peringkat ini menunjukkan kitaran *Do-Check-Action*. Didapati, taburan peratusan lebih sekata dalam keempat-empat nilai modal insan yang ingin dicapai. Peratusan taburan adalah seperti berikut, Kod 1 (33%), Kod 2 (23%), Kod 4 (23%) diikuti Kod3 (21%). Peratusan Kod 2 bagi rohani meningkat menurut refleksi responden selepas programdijalankan. Ini menunjukkan program '*Siswa Meal Box*' yang dianjurkan meningkatkan empati dan kerohanian para responden.

Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar yang menjadi sukarelawan untuk program PEMBINA UKM menunjukkan terdapat elemen keprihatinan, kejiwaan dan nilai kemanusiaan kerana program ini bersifat dakwah dan berkebijakan. Sebagai contoh, responden ID 4 menunjukkan nilai kebajikan dengan memastikan bantuan diberikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Ini merupakan antara sikap penggerak dakwah yang ditunjukkan oleh ahli PEMBINA UKM dalam program anjurannya. Selain itu, responden ID 17 dan 19 menunjukkan kepuasan dan rasa kagum dengan pelaksanaan program yang dijalankan. ID 6 pula, menekankan bahawa pentingnya elemen kefahaman dalam menerima arahan supaya tiada ketirisan info dan maklumat. Dapatan ini melihat pendekatan yang berorientasikan perasaan dalaman melibatkan elemen hati, membawa kepada perkembangan personaliti mahasiswa secara seimbang. Penemuan ini selari dengan dapatan Meyer et al. bahawa pelajar yang mengikuti khidmat masyarakat menunjukkan nilai empati dan kepuasan diri yang tinggi berbanding mereka yang tidak terdedah dengan aktiviti seumpamanya (Meyer, Neumayr, and Rameder 2019).

Keberkesanan program antara lain dilihat dari sejauh mana penyaluran maklumat, komunikasi yang efisien dan dapatan info di dalam organisasi. Di sini, elemen komunikasi perlu dititikberatkan bagi tujuan transformasi modal insan menerusi pembangunan sahsiah pelajar. Kesan dari komunikasi yang berkesan melahirkan rasa keyakinan dan kesungguhan pelajar melaksanakan tugas (Wan Idros and Maizatul Haizan 2015). Refleksi responden menunjukkan tindakan proaktif yang diambil antara sesama penggerak program dan penerima bantuan. Tindakan seperti ini menyumbang ke arah peningkatan kecekapan sumber tenaga, masa dan bantuan (ID 7, 11, 13, 22). Ini dipacu oleh model *Check* dan *Action* terhadap tindakan pelajar dalam membuat keputusan.

Program '*Siswa Meal Box*' yang dianjurkan PEMBINA UKM ini juga bukan sekadar memberi bantuan makanan tetapi juga perlu menyantuni pelajar yang mempunyai masalah kewangan. Kajian lepas mendapati bahawa, aktiviti berbentuk dakwah dan kepimpinan, melahirkan modal insan yang mempunyai kesepaduan dan kemantapan unsur intelek dan etika (Rokan 2018). Ini dapat dizahirkan dengan nilai Kod 1 dan Kod 4 dari refleksi responden yang menonjolkan sikap kepimpinan hasil dari program yang dijalankan. ID 8, 10, 14 menunjukkan perspektif tindakan seorang pemimpin yang melihat tentang kepentingan penilaian keberkesanan sesuatu program yang dijalankan. Ini berdasarkan refleksi mereka yang menyatakan tentang perlunya ada nilai tambah baik bagi program akan datang. Selain itu, pelajar lebih terperinci dalam melaksanakan gerak kerja, agar tugas dilaksanakan dengan baik, dan masalah yang timbul sepanjang program dijalankan mampu dikenalpasti. Ini dipacu oleh nilai etika yang mempunyai elemen dedikasi dan tanggungjawab terhadap pelaksanaan program.

Jadual 3 Refleksi responden selepas program dijalankan

ID	Refleksi	Nilai Modal Insan (Kod)			
		1	2	3	4
1	Memastikan makanan diberikan kepada mereka yang disasarkan .	✓			✓
2	Setiap sukarelawan dapat jalankan tugas .	✓			✓
3	Bertindak keluar daripada senarai tugas yang ada.	✓			
4	Cuba inisiatif lain untuk mencari rakan-rakan yang betul-betul memerlukan bantuan yang kita tidak sedari dari pandangan mata kasar.		✓		✓
5	Memastikan tapak pengedaran dikemaskan.				✓
6	Memahami arahan.		✓		
7	Cabaran baru kepada saya kerana ini merupakan sebuah program secara bersemuka.		✓	✓	

8	Menambahbaik perjalanan program akan datang .	✓			✓
9	Mencatat nama.				✓
10	Membuat penilaian serta tambah baik untuk program yang akan datang.	✓			✓
11	Berkomunikasi dan mengatur gerak kerja orang ramai memerlukan kecekapan kerja yang tinggi dan saya mampu melaksanakannya dengan baik sekali.	✓		✓	
12	Mengemas tempat kejadian dan memastikan makanan yang berlebihan dibawa pulang .		✓	✓	
13	Pelajar di kolej tahu tentang program yang dijalankan.		✓	✓	
14	Maklum balas ke atas program perlu dikutip bagi menilai keberkesanan program.	✓			
15	Tugas seorang AJK Media bukan sahaja perlu di hadapan laptop sahaja, tetapi perlu turun padang .			✓	
16	Menggunakan dana untuk menggerakkan program, menyimpan resit bagi laporan kewangan.	✓	✓		
17	Menarik sukarelawan baharu untuk menyertai program Siswa Mealbox.	✓	✓		
18	Membuat kumpulan diaplikasi MSTeams untuk perjumpaan .	✓			
19	Berasa kagum dengan ketua pengarah program telah merancang program dengan sangat teliti .		✓	✓	
20	Sejujurnya saya sekarang lebih mahir untuk menguruskan media sosial PEMBINA UKM.	✓			

21	Bersedia dengan setiap perkara.	✓	✓		
22	Membentuk daya kreativiti dalam diri dari segi penggunaan teknologi dan media.	▪		✓	
23	Memastikan program berjalan dengan lancar, mengambil gambar dan video bagi tujuan pendokumentasian .	▪			✓
24	Memastikan perjalanan program berjalan dengan lancar .	▪			✓
25	Berasa lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dengan orang ramai. Bukan itu sahaja malahan saya mampu untuk mengasah kepimpinan saya apabila menyertai program sebegini.	✓		✓	

Temu bual tidak berstruktur

Reka bentuk kajian bersifat kualitatif di mana kombinasi analisis dan temu bual secara terbuka diguna sebagai teknik kajian. Melalui dapatan refleksi sebelum dan selepas program dijalankan, sebanyak empat (4) responden telah ditemu bual. Temu bual adalah bersifat terbuka iaitu responden diminta untuk menyatakan ulasan terhadap pemilihan perkataan yang dibuat dalam borang refleksi, jawatan yang disandang, faktor refleksi, dan kesan program yang dijalankan terhadap diri sendiri. Hasil dari temubual terbuka diringkaskan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Ringkasan temu bual tidak berstruktur terhadap refleksi program

ID	Jawatan	Ringkasan temu bual
4	Pengarah Program	Tanggungjawab sebagai Pengarah Program ‘ <i>Siswa Meal Box</i> ’ memberi ruang untuk serlahkan bakat kepimpinan. Sebagai pengarah, responden berharap semua tugas dapat dilaksanakan awal agar tiada perkara yang terlepas pandang dan tercicir. Beliau juga didedahkan bagaimana untuk membuat keputusan, mengagihkan tugas, dan membina rangkaian dengan baik. Akhir sekali, beliau berasakan kepuasan kerana dapat memberi manfaat, walaupun bukan daridana sendiri, tetapi dari usaha dan masa yang diluahkan.

10	Setiausaha	Berdasarkan pengalaman sebelum program ' <i>Siswa Meal Box</i> ' ini, terdapat info yang tidak diterima oleh pihak pengurusan kolej dan pelajar. Sebagai setiausaha untuk program ini, responden bertanggungjawab memastikan semua maklumat disampaikan secara menyeluruh. Sepanjang program berlangsung, beliau berasa perlu turut serta bersama sukarelawan yang lain, dan bukan tertumpu hanya pada urusan dokumentasi sahaja. Beliau juga proaktif dalam mengambil maklum balas mahasiswa terhadap program yang dijalankan bagi menambah baik pada masa hadapan.
11	AJK Agihan	Melalui pengalaman lepas, responden komited mencari nama pelajar yang layak memerlukan bantuan agar tiada nama yang tertinggal untuk bantuan makanan. Didapati sebelum ini, terdapat pelajar yang malu untuk kehadiran bagi menerima bantuan. Untuk itu, responden telah turun ke setiap kolej dan menghubungi pelajar-pelajar terbabit secara personal. Selain itu, persekitaran PEMBINA UKM yang mesra menyebabkan beliau dapat mengutarakan pendapat, belajar banyak perkara baru dan menjalankan tugas dengan baik. Persekitaran positif dalam PEMBINA UKM ini membina keyakinan beliau untuk mengembangkan dan mengasah bakat kepimpinan.
16	AJK Logistik	Pertama kali responden memegang jawatan dan bergerak sebagai AJK Program. Sebelum program beliau agak malu dan tidak berkeyakinan untuk berjumpa atau berhubung dengan orang lain melalui telefon. Namun, keyakinan dan kemahiran berinteraksi meningkat setelah program dijalankan. Ini kerana beliau mencabar diri untuk berkomunikasi dan menghubungi pegawai kolej untuk urusan logistik. Beliau juga berasakan tiada perbezaan pangkat di kalangan penggerak program yang mendorong beliau bergerak selesa dan sering bertanya. Seterusnya meningkatkan minat beliau terhadap aktiviti kesukarelawanan bersama PEMBINA UKM.

Ringkasan Jadual 4 di atas menunjukkan justifikasi mengenai maklumat refleksi yang diisi. Penelitian terhadap temu bual tersebut mendapati gambaran responden sebelum program dijalankan adalah melalui pengalaman program sebelumnya. Ini dalam maklum balas mereka supaya kelemahan dari program lepas tidak berulang lagi. Sikap proaktif dan kepekaan juga ditunjukkan oleh ahli PEMBINA UKM setiap kali penganjuran program. Nilai etika pada responden terhadap sikap tanggungjawab bukan sahaja memastikan program dilaksanakan dengan baik, tetapi juga turut menyantuni pelajar-pelajar dari golongan kurang berkemampuan agar kebajikan mereka terjaga. Usaha ini merupakan satu gerakan dakwah yang disalurkan dalam program anjuran PEMBINA UKM yang digerakkan oleh ahlinya yang terdiri dari mahasiswa UKM sendiri.


Kesedaran peranan setiap AJK

Perbincangan lanjut elemen-elemen modal insan dibincangkan melalui hubung kait antara setiap pemilihan perkataan dalam refleksi responden terhadap empat (4) nilai modal insan. Rajah 2 menunjukkan kesedaran peranan setiap AJK terhadap tanggungjawab berdasarkan skop tugas yang perlu dilaksanakan. Perkataan-perkataan yang dipaparkan menunjukkan gambaran elemen yang dikenal pasti sebagai petunjuk dalam nilai modal insan (rujuk elemen di Jadual 1).

Pemilihan perkataan adalah dari 15 perkataan yang mempunyai nilai token (kekerapan penggunaan) yang tinggi, hasil analisis menggunakan perisian ATLAS.ti® versi 8. Melalui refleksi yang diterima, perkataan ‘bantuan’ mempunyai nilai tertinggi dari 25 responden. Kesedaran dalam mengamalkan nilai murni ini didorong oleh dalaman rohani (Kod 2) dan sahsiah (Kod 3) yang ada dalam diri pelajar. Responden juga menunjukkan sikap mengambil berat dalam memastikan kebajikan pelajar lain terjaga.

Melalui rangkaian ini, boleh dirumuskan bahawa nilai intelektual ahli PEMBINA UKM dapat diramal melalui keterlibatan dan kebolehan ahlinya melaksanakan sesuatu kerja. Nilai intelektual di sini tidak diukur melalui kepandaian atau ilmu pengetahuan semata, tetapi kapasiti kemampuan mahasiswa untuk belajar dan mencuba (Herczeg 2010). Kata-kata kerja yang mempunyai nilai token yang tinggi seperti ‘mengagihkan’, ‘menggalkan’, ‘tindakan’, ‘membuat’ dan sebagainya menggambarkan sifat kepimpinan dan proaktif dalam amalan pekerjaan dan agihan tugas.

Seterusnya, nilai sahsiah dan etika mempunyai hubungkait antara satu sama lain, yang dapat dilihat dari pemilihan perkataan ‘melibatkan’. Perkataan ini melambangkan keterlibatan dan kesungguhan pelajar dalam aktiviti dan khidmat sosial. Selain itu, perkataan-perkataan yang menzahirkan elemen etika mempunyai taburan token yang hampir sama. Nilai etika dalam responden dapat dilihat dari aspek integriti yakni untuk memastikan program dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Rajah 2 Hubungkait pemilihan perkataan peranan setiap AJK berdasarkan token terhadap nilai modal insan


Pencapaian tamat program

Akhir sekali, Rajah 3 menunjukkan rangkaian frasa yang menggambarkan tentang keberkesanan program ‘*Siswa Meal Box*’ terhadap pembangunan modal insan mahasiswa. Pemilihan perkataan dalam refleksi akhir menunjukkan implikasi program terhadap perkembangan diri.

Hasil dari pembersihan data mendapati majoriti responden memiliki nilai intelektual dalam modal insan setelah tamat program. Ini dapat dinilai melalui perkataan ‘berkemampuan’ yang mempunyai nilai token tinggi (22), di mana perkataan ini menggambarkan elemen kepimpinan melalui kebolehan responden dalam melaksanakan tugas mengikut skop kerja yang diberikan. Selain itu, frasa ‘berkemampuan’ ini juga menggambarkan tentang nilai etika

mahasiswa yang menunjukkan kesungguhan dan dedikasi mereka. Ini mampu mendorong mahasiswa untuk lebih berjaya apabila berada di alam pekerjaan kelak. Ini kerana, menurut kajian Hilma Yasni, semakin tinggi nilai intelektual mahasiswa, semakin besar keinginan individu untuk menjadi lebih berjaya (Yasni 2019).

Selain kecerdasan intelektual, ahli PEMBINA UKM juga dapat dilihat mempunyai nilai kerohanian diri yang tinggi. Taburan nilai token agak sekata bagi perkataan seperti ‘teliti’, ‘bermanfaat’, dan ‘teratur’ menggambarkan elemen dalam nilai kerohanian. Ini membuktikan bahawa, ahli PEMBINA UKM bukan sahaja mempunyai keilmuan yang tinggi, malah mempunyai nilai spiritual yang sejahtera. Nilai-nilai sahsiah begini dapat diasah melalui akitivi dakwah dan khidmat sosial sebagaimana acuan yang dikehendaki agama dan negara.



Rajah 3 Hubungkait pemilihan perkataan hasil tamat program berdasarkan token terhadap nilai modal insan

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa program anjuran PEMBINA UKM mampu membentuk mahasiswa yang mempunyai nilai kepimpinan, kewibawaan dan sahsiah. Nilai-nilai ini merupakan keperluan bagi mahasiswa yang bergerak dalam kapasiti dakwah. Penyediaan platform yang dinamik juga penting dalam menyokong ketersediaan mahasiswa dalam membangunkan kemahiran dan bakat mereka sepanjang pengajian di universiti. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa PEMBINA di UKM merupakan persatuan

mahasiswa yang dinamik, relevan dan mampu menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan sifat holistik pelajar melalui program dakwahnya. Penglibatan mahasiswa di program-program persatuan ini juga dilihat mampu menjadi medium terbaik untuk memberi kesedaran dan melatih mereka tentang peranan dan tanggungjawab dalam pembangunan agama, bangsa dan negara.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat tajaan dana penyelidikan, Dana Penyelidikan Ilmu-ilmu Islam di bawah kod DPI-2022-002. Juga mendapat sokongan dari Hal Ehwal Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat (HEJIM), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, dan Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah, Faruk. 2012. "The Role of Islam in Human Capital Development: A Juristic Analysis." *Humanomics* **28** (1): 64–75.
- Akhmadieva, Roza Sh, Tatyana Yu Guryanova, Aleksey V. Kurakin, Alexandr L. Makarov, Anna I. Skorobogatova, and Victoria V. Krapivina. 2020. "Student Attitude to Intercultural Communication and Intercultural Interaction in Social Networks." *Contemporary Educational Technology* **11** (1): 21–29.
- Basir, Siti Arni, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati Syed Ismail al Qudsy, Musaiyadah Ahmadun, Syahrul Nizam Kamaruzzaman, and Hasan Albanna Mohamed. 2019. "Steps to Implement ISO 9000: 2005 Quality Management System: Case Study at Malaysian Higher Education Institutions/ Langkah-Langkah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000:2005: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia." *Sains Humanika* **11** (3).
- Boeren, Ellen. 2019. "Understanding Sustainable Development Goal (SDG) 4 on 'Quality Education' from Micro, Meso and Macro Perspectives." *International Review of Education* **65** (2): 277–94..
- Chun Tie, Ylona, Melanie Birks, and Karen Francis. 2019. "Grounded Theory Research: A Design Framework for Novice Researchers." *SAGE Open Medicine* **7**: 205031211882292.
- Dewan Rakyat. 2021. "Rancangan Malaysia Kedua Belas".
- Fink, Arlene. 2003. *How to Manage, Analyze, and Interpret Survey Data*. Sage.
- Herczeg, Michael. 2010. "The Smart, the Intelligent and the Wise: Roles and Values of Interactive Technologies." *ACM International Conference Proceeding Series*, no. November: 17–26.

- Isniah, Sarah, Humiras Hardi Purba, and Fransisca Debora. 2020. "Plan Do Check Action (PDCA) Method: Literature Review and Research Issues." *Jurnal Sistem Dan Manajemen Industri* **4** (1): 72–81.
- Jasmin, Nurul Elliza, and Mohammad Khatim Hasan. 2018. "Framework for the Implementation of E-Government System Based on Cloud Computing for Malaysian Public Sector." *Asia-Pacific Journal of Information Technology & Multimedia* **07** (01): 1–18.
- Johnston, R. B. 2016. "Arsenic and the 2030 Agenda for Sustainable Development." *Arsenic Research and Global Sustainability - Proceedings of the 6th International Congress on Arsenic in the Environment, AS 2016*, 12–14.
- Kementerian Sumber Manusia. 2020. "Rancangan Malaysia Ke-12 & Dasar Sumber Manusia Negara (Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2020 – 2025)." *Pelan Strategik Malaysia 2020-2025*, 1–21.
- Majid, Mohamad Kamil Abd, and Univerisit Malaya) Rahim, Rahimin Affandi Abd (Akademik Pengajian Islam. 2009. "Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun." *Journal Of Hadhari* **1**: 45–76.
- Meyer, Michael, Michaela Neumayr, and Paul Rameder. 2019. "Students' Community Service: Self-Selection and the Effects of Participation." *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* **48** (6): 1162–85.
- Morgan, Hani. 2022. "Conducting a Qualitative Document Analysis." *Qualitative Report* **27** (1): 64–77.
- Nurul Haerani, Mohamad, and Esa Ahmad. 2013. "Pembangunan Modal Insan Holistik Pelajar Menerusi Aktiviti Kokurikulum Politeknik." *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan*, 1–12.
- Pusztai, Gabriella, Hajnalka Fenyes, and Valeria Markos. 2021. "The Effect of Volunteering and Voluntary Group Membership on Student's Persistence." *Heliyon* **7** (9).
- ROKAN, S A W. 2018. "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Dakwah Syeikh Abdul Wahab Rakan." *Journal of Communication*, no. 2.
- Suriani Sudi & Phayilah Yama. 2018. "Kecerdasan Spiritual Pada Orang Lain Dalam Kalangan Pemimpin Persatuan Belia Islam Nasional (Pembina) Di Selangor." *4th International Conference On Islamiyyat Studies*, September: 108–14.
- Undang, Undang. 2011. "(Persatuan Belia Islam Nasional)."
- Wan Idros, Wan Sulaiman, and Mahbob Maizatul Haizan. 2015. "Hubungan Komunikasi

Keorganisasian Dengan Perancangan Strategik Modal Relationship and Human Capital.”
Malaysian Journal of Communication **31** (2): 1–14.

Yasni, Hilma. 2019. “Hubungan Motivasi Belajar Dan Kecerdasan Intelektual Dengan Prestasi Belajar Mahasiswa Prodi D-Iii Keperawatan Tapaktuan.” *Majalah Kesehatan Masyarakat Aceh (MaKMA)* **2** (2): 12–19.